

# Terengganu raih 3 lagi emas memamah



**Arau:** Terengganu mengutip tiga lagi pingat emas dalam acara memamah di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, dekat sini, semalam.

Mereka memungut emas menerusi acara 50 meter recurve lelaki dan wanita serta 50m compound lelaki.

Muhammad Shaiffuddin Mohd Kamro mencatat 323 mata untuk meraih emas 50m recurve lelaki menewaskan wakil Sabah, Billdean Bonilung dengan 320 mata manakala atlet Wilayah Persekutuan, Muhammad Aidid Azizi Azmi meraih gangsa dengan 319 mata.

Atlet kelahiran Kemaman berusia 19 tahun itu berkata, dia tidak menghadapi sebarang kesukaran meskipun

terpaksa bersaing dengan ramai atlet pelapis kebangsaan.

Emas itu juga katanya, adalah yang kedua buat dirinya selepas kejayaan dalam acara 70m recurve kelmarin.

## Capai sasaran peribadi

"Saya sudah mencapai sasaran peribadi ditetapkan tetapi saya ingin terus memburu lebih banyak pingat kali ini.

"Kejayaan ini akan saya jadikan perangsang untuk beraksi cemerlang pada Kejohanan Universiti Dunia di Poland, Julai ini," kata penuntut Diploma Rekaan Industri Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) itu.

Terengganu turut meraih

emas menerusi Nuramalia Haneesha Mazlan dalam acara 50m recurve wanita dengan 312 mata manakala pingat perak menjadi milik Kho Yee Ting dari Sarawak (305) dan gangsa menjadi milik wakil Pulau Pinang, Loke Shin Hui (305).

Emas ketiga memamah negeri pantai timur itu disumbangkan Lutfil Hadi Mohd Yusof menerusi acara 50m compound lelaki selepas melakukan catatan 341 mata manakala pingat perak menjadi milik Muhammad Ashraff Mohd. Adzeman dengan jumlah mata sama.

Wong Co Wan dari Sabah yang mengutip 339 mata terpaksa berpuas hati dengan pingat gangsa.

-BERITA HARIAN - 31/5/14